

## KERTAS KERJA



# سَمِينار هاري كَبانْسان

## SEMINAR HARI KEBANGSAAN

Tema

**PATRIOTISME TERAS KETEGUHAN NEGARA  
"20 TAHUN MERDEKA: PENCAPAIAN DAN HALA TUJU"**

Anjuran

JAWATANKUASA TERTINGGI  
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-20  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kelolaan Bersama

PUSAT SEJARAH BRUNEI  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
&  
PERSATUAN SEJARAH BRUNEI (PESEBAR)

Tempat

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**"PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM  
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:  
PERKEMBANGAN DAN CABARAN-CABARAN"**

oleh

Yang Mulia Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Daud



Tarikh

20-22 Muharram 1425 • 12-14 Mac 2004

**PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:  
PERKEMBANGAN DAN CABARAN-CABARAN**

oleh

**Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud  
Pengarah Urusan, Bank Islam Brunei Berhad (IBB)**

**Pendahuluan**

Kertas kerja ini dimulakan dengan petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan semasa Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Takaful IBB, Dar Takaful IBB di Bandar Seri Begawan pada 5hb Mei 2003 seperti berikut:

*"Sepuluh tahun yang lalu semasa kerajaan Beta memperkenalkan perbankan dan kewangan Islam di negara kita ini, ramai orang yang menyoal akan kemampuan dan peranan sistem ini dalam mengembangkan ekonomi negara kita. Golongan ini telah tidak menyedari bahawa mereka telah meragui satu sistem kewangan yang telah disuruh oleh agama memakainya. Sekarang satu dekad berlalu, ternyata perbankan dan kewangan Islam telah menjadi nadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi negara kita hari ini. Perbankan dan kewangan Islam telah berkembang dengan kadar yang cepat dan telah dapat meningkatkan jumlah pasaran yang sihat"*

Petikan Titah ini adalah sangat signifikan atas beberapa sebab. Pertama, sepertimana jua inisiatif utama yang dilaksanakan di negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan adalah nadi penggerak dan pendorong utama sistem perbankan dan kewangan Islam di negara ini. Kedua, selaku salah seorang ahli perbankan Islam, petikan Titah ini merupakan satu sumber inspirasi dan semangat untuk berusaha lebih gigih untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dan memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti untuk negara dan masyarakat. Ketiga, petikan Titah tersebut juga memberikan gambaran yang jelas mengenai perkembangan dan cabaran-cabaran yang diharungi oleh institusi-institusi perbankan dan kewangan Islam di negara ini. Perkara-perkara tersebut merupakan tema utama kertas kerja ini. Secara ringkasnya, Titah tersebut menyentuh tiga perkara iaitu, sejarah permulaan perbankan dan kewangan Islam, cabaran-cabaran yang ditempuhi dan kejayaan-kejayaan yang telah dapat dicapai dalam tempoh sepuluh tahun

kebelakangan. Perkara-perkara ini akan dibentangkan dalam kertas kerja ini dengan merujuk kepada pengalaman-pengalaman Bank Islam Brunei Berhad (IBB).

### Sejarah Awal Industri

Hasrat untuk merealisasikan perbankan dan kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam memang sudah pun lama disuarakan oleh pelbagai pihak semenjak tahun 1980an berikutan dengan kemunculan bank-bank Islam di beberapa negara-negara Islam. Kearah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan telah bertitah semasa mesyuarat Majlis Ugama Islam pada 25 hb September 1990, seperti berikut:

*"Umpamanya sebagai contoh, satu perkara yang berhubung dengan sistem kewangan Islam, yang sangat popular hari ini, ialah Bank Islam. Ianya bukanlah lagi suatu impian atau angan-angan, tetapi khabar-khabarnya, sudah terdapat 50 buah Bank Perdagangan Islam di negara-negara Islam pada masa ini. Pada hemat beta, ini juga merupakan salah satu daripada kewajipan fardu kifayah bagi tiap-tiap negara dan negara kita Brunei Darussalam adalah tidak terkecuali"*

Satu komiti khas yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dibentuk untuk menerajui usaha-usaha bagi mewujudkan sebuah institusi kewangan Islam yang pertama di negara ini. Dengan mengambil contoh daripada pengalaman-pengalaman negara-negara lain dan setelah membuat penelitian dan kajian yang terperinci, komiti tersebut telah menghadapkan sokongan bagi penubuhan sebuah Institusi kewangan Islam yang sesuai dengan keperluan negara ini yang dapat sekaligus menyempurnakan kehendak rakyat dan penduduk negara ini bagi perkhidmatan perbankan dan kewangan Islam.

Atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada 29hb September 1991, Institusi Kewangan Islam yang pertama, Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), mula beroperasi. Khusus bagi penubuhana institusi ini, Baginda juga telah memperkenalkan satu akta yang dinamakan 'Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei 1991' yang memperuntukkan perbadanan ini menjalankan beberapa aktiviti-aktiviti kewangan Islam.

Majlis Perasmian Pelancaran Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) diselajurkan dengan pembukaan rasmi cawangannya yang pertama yang terletak di Bangunan Perdagangan Bumiputera, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan sendiri telah menjadi pelabur yang pertama kepada Perbadanan TAIB. Perbadanan TAIB kemudiannya telah membuka cawangannya yang kedua di Daerah Belait dan sebagai langkah berjimat disamping menghadapi kesulitan di dalam memilih tempat yang sesuai bagi menempatkan cawangannya di Daerah Tutong, Perbadanan TAIB telah memberikan perkhidmatan bergerak dengan menggunakan Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong bagi memenuhi keperluan pelanggan-pelanggannya di daerah tersebut. Dalam tempoh yang singkat, Perbadanan TAIB telah pun memperbanyakkan rangkaian perkhidmatan dan cawangan-cawangannya termasuklah pembukaan cawangan utamanya yang baru yang terletak di Bandar Seri Begawan. Disamping itu, Perbadanan TAIB juga telah memperkenalkan perkhidmatan pakej-pakej Haji dan Umrah kepada jemaah-jemaah negara ini melalui penubuhan anak syarikatnya, Darussalam Holdings Sendirian Berhad.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam semasa mengurniakan Titah di majlis pembukaan rasmi Perbadanan TAIB telah menggambarkan bahawa kelahiran Perbadanan TAIB adalah satu titik permulaan kepada penubuhan lebih banyak lagi institusi kewangan Islam yang mana TAIB akan menjadi model kepada penubuhan institusi-institusi kewangan Islam yang lain di negara ini.

Pada bulan Disember 1992, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Dan Yang Di Pertuan telah pun memperkenalkan satu undang-undang baru yang dipanggil "The Islamic Banking Order, 1992" yang memperuntukkan penubuhan sebuah bank Islam yang pertama di negara ini. Tidak lama kemudian iaitu pada 13hb Januari 1993, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memperkenankan semua operasi sebuah bank tempatan iaitu The International Bank of Brunei ditukar kepada sistem yang berlandaskan hukum Syariah.

Berikutan itu, nama bank juga diubah kepada Bank Islam Brunei Berhad atau The Islamic Bank of Brunei Berhad (IBB). Bank ini terus memberikan perkhidmatan perbankan dan kewangan kepada pelanggan-pelanggan yang sedia ada dan juga kepada pelanggan-pelanggan baru. Semua operasi perbankan dijalankan berdasarkan kepada peraturan-

peraturan yang telah diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah Bank tersebut. Penubuhan Bank Islam Brunei Berhad juga diselajurkan dengan pembukaan rasmi bangunan barunya yang terletak di Bandar Seri Begawan.

Pada bulan Julai 2000, Bank Pembangunan Brunei (DBB) ditukar namanya kepada Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB) selaras dengan penukaran sistem dan operasinya kepada sistem perbankan Islam. Ini melambangkan salah satu lagi perkembangan pada industri perbankan dan kewangan Islam di negara ini.

Selain daripada perkembangan dalam perbankan Islam, syarikat-syarikat insuran Islam juga ditubuhkan bagi memenuhi kehendak orang ramai di negara ini. Pada hari ini, Negara Brunei Darussalam mempunyai 3 buah syarikat Takaful. Syarikat Takaful yang pertama, Insuran Islam TAIB, ditubuhkan oleh TAIB pada bulan March 1993 dan diikuti pula dengan penubuhan Syarikat Takaful IBB Berhad pada 5hb Mei 1993. Lapan tahun kemudian, Syarikat Takaful IDBB ditubuhkan oleh Bank Pembangunan Islam Brunei. Syarikat-syarikat Takaful ini menyediakan perkhidmatan insuran berlandaskan hukum syarak yang meliputi perlindungan bagi orang ramai dan harta mereka hinggalah kepada perlindungan yang melibatkan syarikat-syarikat besar atau korporat.

#### **Cabaran-Cabaran**

Banyak cabaran-cabaran telah pun diharungi sejak sistem kewangan Islam mula diperkenalkan di negara ini dan sokongan serta dorongan yang berterusan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan industri ini terus berjaya.

#### Pandangan dan persepsi orang ramai

Salah satu cabaran yang terbesar, sepertimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan adalah persepsi orang ramai yang menyoal akan kemampuan dan peranan sistem ini dalam mengembangkan ekonomi negara kita. Malah ada yang sanggup mempersoalkan tentang keberkesanan sistem ini dengan secara terbuka. Setengah-setengah pihak yang lain pula mempunyai pandangan bahawa sistem ini tidak akan mampu untuk memberikan perkhidmatan yang sebanding dengan institusi kewangan konvensional dan atas alasan tersebut, institusi perbankan dan

kewangan Islam tidak akan dapat bersaing dengan institusi-institusi perbankan dan kewangan konvensional.

Walaupun bagaimanapun, sejarah telah membuktikan bahawa pendapat dan pandangan-pandangan tersebut adalah tidak betul. Industri perbankan dan kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam telah dapat membuktikan kejayaannya dan telah pun diberi pengiktirafan antarabangsa. Artikel yang dipetik dari akhbar "The Times of London" keluaran 8hb Oktober 2003 menyatakan bahawa sektor perbankan dan kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam, dengan adanya sokongan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, telah pun meningkat kepopuleritinya. Pada hari ini, 40 peratus daripada pasaran perbankan telah dikuasai oleh perbankan Islam dan syarikat-syarikat Takaful pula telah berjaya menguasai 26 peratus daripada keseluruhan pasaran industri insuran.

Selain daripada itu, pada tahun 2003, dua buah institusi perbankan dan kewangan Islam di negara ini, iaitu, Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) telah diberikan kepercayaan oleh Kementerian Kewangan Thailand untuk membantu dalam penubuhan bank Islam pertama negara itu. Kearah itu dan bagi mencapainya hasrat 6 juta penduduk Islam di Thailand, sekumpulan ahli-ahli perbankan Islam daripada dua buah institusi ini telah pergi ke Thailand untuk memberikan bantuan teknikal semata-mata untuk membantu menjayakan penubuhan bank Islam yang pertama negara itu. Alhamdulillah, pada 14hb Mei 2003, bank Islam Thailand yang pertama memulakan operasinya dan pada 18hb Mei 2003, ianya dibuka rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Thailand. Penubuhan Bank Islam Thailand dengan bantuan anak-anak watan Brunei ini merupakan salah satu mercu tanda kejayaan di dalam industri perbankan dan kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam.

#### Persaingan dengan bank-bank konvensional

Industri perbankan dan kewangan Islam di negara ini menempuhi banyak lagi cabaran-cabaran apatah lagi di dalam senario pasaran yang semakin "demanding" dan canggih. Sepertimana jua di negara-negara lain, institusi-institusi kewangan bersaing di antara satu sama lain di dalam pasaran. Di negara ini, persaingan adalah lebih sengit memandangkan jumlah pasaran yang agak kecil di negara ini. Ini ditambah lagi dengan adanya 9 buah bank di negara ini yang menyediakan pelbagai perkhidmatan perbankan dan kewangan. Tiga daripada bank-bank ini adalah terdiri daripada bank tempatan manakala selebihnya adalah cawangan-cawangan bank-bank dari luar negeri. Bank-bank (konvensional) ini

telah pun lama beroperasi di Negara Brunei Darussalam dan ada di antaranya sudah pun bertapak di negara ini sejak 50 tahun yang lalu. Bank-bank yang bertaraf antarabangsa ini menikmati pelbagai kemudahan dari segi latihan-latihan bagi perkembangan tenaga manusia, teknologi, perkembangan dalam produk-produk dan rangkaian network antarabangsa yang serba canggih. Semua kemudahan-kemudahan ini disediakan oleh cawangan-cawangan induk masing-masing di luar negeri. Walaubagaimanapun, institusi-institusi perbankan dan kewangan Islam di negara ini telah berjaya membuktikan kemampuan masing-masing dalam sama-sama bersaing dengan institusi-institusi konvensional di dalam pasaran yang terhad ini.

#### Sumber tenaga manusia

Cabaran seterusnya ialah dari segi mendapatkan sumber tenaga manusia yang berkalibar dan mahir. Setakat ini jumlah tenaga manusia yang mahir di dalam bidang perbankan adalah sangat terhad. Tidak banyak anak-anak Brunei yang berminat untuk bekerja di dalam industri ini dan penglibatan dalam pengurusan perbankan oleh anak-anak watan hanyalah bermula sejak 15 tahun yang lalu. Pada lazimnya, anak-anak watan Brunei lebih cenderung untuk bekerja di sektor kerajaan yang menyediakan "job security" serta kemudahan yang lebih baik khususnya bagi yang mempunyai kelulusan ijazah atau kelulusan-kelulusan yang lebih tinggi. Perkerjaan di dalam sektor kerajaan dilihat sebagai lebih baik dan lebih "glamorous" berbanding dengan pekerjaan yang ditawarkan di sektor perbankan. Oleh yang demikian, industri perbankan dan kewangan di negara ini mengalami kesulitan dalam mendapatkan sumber tenaga manusia yang berkualiti terutamanya diperingkat pengurusan.

Kesulitan-kesulitan dalam mendapatkan tenaga manusia yang berkemahiran adalah lebih ketara di dalam industri perbankan dan kewangan Islam di negara ini. Ini adalah atas sebab-sebab berikut:

- Perbankan dan kewangan Islam adalah satu industri yang agak baru di negara ini.
- Jumlah anak-anak watan Brunei yang mempunyai kelulusan dalam bidang perbankan dan kewangan Islam adalah terhad.
- Ketiga, kurangnya minat ahli-ahli perbankan konvensional untuk menceburi industri perbankan Islam. Ini adalah kerana ianya memerlukan banyak masa dan tenaga untuk mempelajari dan memahami sistem perbankan Islam.

Oleh yang demikian, usaha-usaha untuk mengatasi masalah-masalah ini hendaklah dijalankan demi kebaikan industri ini.

Institusi-institusi perbankan dan kewangan Islam di negara ini telah pun banyak membuat pelaburan dari segi masa dan wang ringgit dalam memberi latihan yang secukupnya kepada pegawai dan kakitangan masing-masing. Ini adalah untuk memastikan mereka ini dapat menjalankan tugas dan tanggung jawab masing-masing dengan baik dan sempurna. Berbeza bagi institusi perbankan dan kewangan konvensional, masalah dalam sumber tenaga manusia dapat diatasi dengan mudah seperti mengambil pengurus-pengurus atau pegawai-pegawai yang sudah berpengalaman dari cawangan-cawangan mereka di luar negeri.

Sebagai satu langkah untuk membawa IBB untuk maju ke hadapan dan lebih berdaya saing, Lembaga Pengarah IBB telah pun bersetuju agar pihak pengurusan bank menjalankan satu program perkembangan tenaga manusia yang lebih komprehensif dan dinamik. Di antara inisiatif-inisiatif yang telah diperkenalkan oleh pihak pengurusan termasuklah skim perkhidmatan yang menarik untuk pegawai dan kakitangan serta satu program yang memberi peluang untuk pegawai dan kakitangan bank melanjutkan pelajaran ke tahap ijazah atau kelulusan-kelulusan iktisas dan sebagainya.

Pihak pengurusan IBB juga akan terus melaksanakan program 'Latihan Pelan Induk' (Training Master Plan) untuk semua pegawai dan kakitangannya. Untuk mencapai hasrat ini, IBB sedang giat berusaha untuk meningkatkan interaksi dan dialog dengan institusi-institusi pendidikan tempatan dan luar negara bagi memilih latihan-latihan atau kursus-kursus perbankan dan kewangan Islam yang sesuai untuk melatih pegawai dan kakitangannya. Selain daripada menawarkan latihan-latihan dan kursus-kursus kepada pegawai dan kakitangan IBB, ianya juga akan ditawarkan kepada orang ramai yang berminat untuk menceburi industri perbankan dan kewangan Islam di negara ini.

#### Teknologi maklumat dan komunikasi

Dalam era yang semakin canggih ini, perkembangan pada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan "survival" sesebuah bank itu. Walaubagaimanapun, usaha-usaha memperkembang ICT memerlukan pelaburan yang besar dan oleh yang demikian, banyak bank mengalami dilema samada bersedia berbelanja besar semata-mata untuk mengembangkan infrastruktur ICT masing-



masing atau pun mengambil risiko yang tinggi dari segi perkhidmatan yang kurang efisien dan kurang berdaya saing.

Bagi institusi-institusi perbankan dan kewangan Islam, masalah ini ditambah lagi dengan kekurangan sistem IT di pasaran yang dapat memenuhi kehendak-kehendak hukum atau prinsip Syariah. Disamping itu, pilihan yang terhad ini jua menyebabkan kesukaran bagi institusi-institusi perbankan dan kewangan Islam dalam mendapatkan sistem yang sesuai dengan kehendak dan peraturan-peraturan badan Syariah masing-masing. Oleh kerana itu, dalam mendapatkan sistem yang terbaik, institusi-institusi kewangan dan perbankan Islam perlu menjalankan kajian yang meluas mengenai sistem-sistem IT yang ditawarkan dan perlulah jua bersedia untuk menjalankan banyak perubahan-pengubahan khusus ('customisation') bagi menyesuaikan dengan keperluan dan operasi masing-masing.

Bagi memenuhi keperluan perkhidmatan perbankan yang semakin meningkat dan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih efisien, IBB telah pun memulakan satu projek sistem komputer yang baru bermula pada bulan Januari 2002. Projek ini bermula dengan pembentukan satu komiti pemandu yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan bank bagi memastikan keberkesanan sistem berkenaan. Komiti ini juga bertanggung jawab dalam membuat penilaian ke atas sistem yang dipilih dan seterusnya mensyorkan sistem yang telah dipilih itu kepada pihak pengurusan bank. Seterusnya, banyak lagi komiti dan kumpulan-kumpulan yang lain dibentuk dan diberikan peranan dan tanggungjawab yang tertentu. Di antaranya ialah seperti berikut:

- komiti 'compliance'
- pemilik-pemilik produk (product owners)
- pakar-pakar mengenai produk (produk expert)
- Penyelaras ujian sepadu sistem (system integration testing coordinator)
- Penyelaras ujian penerimaan pengguna (user acceptance coordinator), dan sebagainya.

Proses pelaksanaan kepada sistem baru ini memakan masa hampir satu tahun dan bagi memastikan keberkesanannya, ramai yang terlibat terpaksa berkorban masa dan waktu tidak kira malam atau pun hujung minggu. Sistem yang diambil hendaklah diuji secara komprehensif dengan menggunakan senario-senario yang berbeza. Ujian-ujian ini diperlukan memandangkan sistem yang dipilih terpaksa melalui proses "customisation" bagi menyesuaikan dengan operasi bank. Walaupun terpaksa berkorban masa dan tenaga, ianya merupakan satu peluang bagi pegawai dan kakitangan yang berkenaan

untuk mempelajari sistem dan operasi bank dengan lebih mendalam lagi. Ketabahan, ketekunan dan disiplin adalah kunci kepada kejayaan dalam pelaksanaan sistem berkenaan dan saya amat berterima kasih di atas dedikasi yang telah ditunjukkan oleh pegawai dan kakitangan yang terlibat.

Setelah berpuas hati dengan sistem yang telah diuji dan diubah, proses seterusnya adalah memindah semua data-data pelanggan dari sistem lama ke sistem yang baru. Selaku sebuah bank yang terbesar di Negara Brunei Darussalam, IBB terpaksa memindah lebih dari 90,000 akaun dan disamping itu juga memastikan semua akaun-akaun yang melalui proses pemindahan adalah tepat dan selaras. Kesilapan, walau sedikit pun, pada akaun-akaun yang mengalami proses pemindahan ini adalah tidak dapat diterima dan juga akan menjejaskan keseluruhan kerja-kerja pelaksanaan kepada sistem baru ini. Oleh yang demikian, IBB telah pun memastikan bahawa pemindahan data akaun-akaun pelanggan dibuat dengan teliti. Selain daripada itu, sistem baru ini juga memerlukan pengeluaran kad-kad ATM yang baru dan sebagai langkah awal, IBB telah pun mengedarkan kad-kad ini kepada pelanggan-pelanggannya dua bulan lebih awal sebelum berhijrah menggunakan sistemnya yang baru.

Memandangkan proses pelaksanaan sistem baru ini adalah suatu pengalaman yang baru bagi semua yang terlibat, IBB juga mendapatkan khidmat daripada sebuah firma konsultasi bagi mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan yang bebas mengenai pelaksanaan projek ini. Alhamdulillah, pada 1hb Januari 2003, IBB telah pun berjaya berhijrah kepada sistem perkomputeran yang baru. Semua ini telah pun menguji ketabahan, tenaga dan dedikasi pegawai dan kakitangan yang terlibat. Saya pasti institusi-institusi kewangan Islam yang lain juga mengalami pengalaman yang serupa dalam konteks ini.

### **Pencapaian Industri Perbankan dan Kewangan Islam**

Industri perbankan dan kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam telah pun berjaya mencapai satu kedudukan yang boleh dibanggakan walaupun ianya hanya beroperasi dalam tempoh yang singkat berbanding dengan perbankan dan kewangan konvensional. Kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan pertumbuhan yang positif dalam industri ini secara keseluruhan<sup>1</sup>.


---

<sup>1</sup> Rujukan dibuat daripada kertas kerja Salma L., Islamic Banking In Brunei Darussalam And The Role Of CIBFM yang telah disampaikan semasa Seminar Kewangan Islam Antarabangsa di Empire Hotel pada bulan Januari 2004

## Tahap deposit

Jumlah keseluruhan deposit, dalam konteks ini termasuklah akaun-akaun simpanan tetap, akaun simpanan biasa, akaun semasa dan akaun-akaun deposit yang lain. Rekod-rekod diperolehi dari laporan-laporan tahunan kewangan institusi-institusi berkenaan, laporan-laporan dari Bahagian Institusi Kewangan, Kementerian Kewangan dan "Brunei Darussalam Statistical Yearbook". Walaubagaimanapun, laporan-laporan yang diperolehi daripada sumber kerajaan tidak memasukkan statistik-statistik TAIB memandangkan ianya bukan dikira sebagai sebuah bank.

Merujuk kepada Carta 1, jumlah deposit bagi ketiga-tiga institusi ini menunjukkan pertumbuhan yang positif. Ianya juga menunjukkan peningkatan setelah penukaran kepada sistem perbankan Islam bagi IBB pada tahun 1993 dan IDBB pada tahun 2000. Pada tahun 2000, jumlah deposit keseluruhan bagi sektor ini meningkat sebanyak 73 peratus. Peningkatan ini banyak disumbangkan oleh IBB yang mengalami peningkatan drastik pada jumlah depositnya pada tahun itu. Disamping itu, tahun 2000 juga merupakan tahun Bank Pembangunan Brunei (DBB) menyertai sektor ini sebagai bank Islam. Jumlah keseluruhan deposit bagi TAIB hanya dapat diperolehi sehingga tahun 1999 manakala bagi IDBB pula, hanya sehingga tahun 2002. Walaubagaimanapun, saya percaya kedua-dua institusi ini juga menikmati pertumbuhan yang positif ke atas jumlah deposit masing-masing pada tahun-tahun seterusnya.




Carta 1:  
Jumlah Deposit Bagi Ketiga-tiga  
Institusi Kewangan Islam Di  
Brunei Darussalam

Sumber: Laporan Kewangan Tahunan institusi-institusi berkenaan

## Peratus pasaran bagi deposit

Institusi-institusi perbankan Islam juga telah pun berjaya meningkatkan peratus keseluruhan dalam pasaran bagi jumlah deposit di negara ini dari jumlah purata 10 peratus pada tahun-tahun awal ianya beroperasi hinggalah ke tahap 25 peratus pada tahun 2002. Peningkatan ini dapat dilihat di Carta 2 yang menunjukkan pertumbuhan drastik pada tahun 2000. Perlu jua diambil maklum bahawa, deposit dari TAIB dikecualikan daripada carta ini dan IDBB hanya mula beroperasi sebagai bank Islam pada tahun 2000. Ini bermakna dari tahun 1993 hingga 1999, peratus keseluruhan dalam pasaran bagi jumlah deposit di dalam Carta 2 hanyalah merupakan jumlah keseluruhan deposit dari IBB sahaja. Sekiranya jumlah deposit TAIB dimasukkan bersama, peratus keseluruhan dalam pasaran bagi jumlah deposit bagi semua institusi Islam di negara ini akan menunjukkan kadar yang lebih tinggi.




Sumber: Lembaga Matawang Brunei dan Bahagian Institusi-institusi Kewangan, Kementerian Kewangan.

Carta 2:  
Pembahagian peratus keseluruhan dalam pasaran jumlah keseluruhan deposit institusi perbankan Islam di Brunei Darussalam (tidak termasuk TAIB)

Prestasi kesemua institusi perbankan Islam termasuk TAIB dalam mendapatkan peratus keseluruhan dalam pasaran bagi jumlah deposit bolehlah dirujuk di Carta 3. Carta 3, walaupun bagaimanapun hanya menyediakan maklumat berkenaan dari tahun 1993 hinggalah ke tahun 1999<sup>2</sup>. Seperti yang dijangka, TAIB juga mengalami peningkatan dalam kadar peratus keseluruhan pasaran bagi deposit. Memandang IDBB hanya beroperasi sebagai bank Islam bermula tahun 2000, ianya tidak dimasukkan ke dalam perkiraan bagi carta ini. Oleh yang demikian, angka yang direkodkan disini hanyalah melibatkan jumlah deposit IBB dan TAIB. Walaupun bagaimanapun, pada tahun 1999 sahaja, angka yang direkodkan sudah pun mencapai lebih 25 peratus dan saya percaya jumlah ini akan terus meningkat.

<sup>2</sup> Perkiraan hanya dapat dibuat sehingga tahun 1999 memandangkan laporan kewangan bagi TAIB hanya dapat diperolehi sehingga tahun 1999.



**Carta 3:**  
Pembahagian peratus keseluruhan dalam pasaran jumlah deposit institusi perbankan Islam di Brunei Darussalam

Sumber: Lembaga Matawang Brunei dan Bahagian Institusi-institusi Kewangan, Kementerian Kewangan dan Lapuran Kewangan TAIB.

### Pertumbuhan pada harta (aset)


Pertumbuhan dalam jumlah harta juga amat ketara. Bagi Bank Islam Brunei Berhad sahaja, jumlah harta telah meningkat daripada \$672 juta pada 1993 kepada \$1,862 juta pada tahun 2002, penumbuhan sebanyak tiga kali ganda dalam sepuluh tahun ianya beroperasi sebagai bank Islam. Pada tahun 2003, jumlah tersebut telah pun melimpasi jumlah \$2 billion yang merupakan satu lagi mercu tanda kejayaan bank ini.

Carta 4 menunjukkan pertumbuhan pada harta keseluruhan bagi institusi perbankan Islam di negara ini. Walaubagaimanapun memandangkan sumber bagi carta ini diperolehi dari Bahagian Institusi-institusi Kewangan, Kementerian Kewangan, ianya tidak termasuk jumlah harta dari TAIB.

Terdapat peningkatan drastik pada jumlah harta keseluruhan pada tahun 2000 yang mana besar kemungkinan adalah berpunca daripada penyertaan IDBB ke industri perbankan Islam pada tahun yang sama. Daripada kajian yang dijalankan, jumlah harta bagi institusi perbankan konvensional adalah masih tinggi berbanding dengan institusi perbankan Islam, iaitu melebihi B\$7 billion pada tahun 2002<sup>3</sup>. Walaubagaimanapun, jumlah keseluruhan harta bagi institusi perbankan Islam pasti akan menunjukkan angka yang lebih tinggi dan kompetitif sekiranya jumlah harta TAIB tidak dikecualikan. Menurut keterangan daripada Yang Mulia Dato Paduka Hj Yakub bin Abu Bakar, Timbalan Menteri Kewangan jumlah keseluruhan harta bagi industri perbankan Islam mencapai B\$4.8 billion pada tahun 2002<sup>4</sup>.

<sup>3</sup> Salma L., Islamic Banking In Brunei Darussalam And The Role Of CIBFM, disampaikan semasa seminar di Empire Hotel, Brunei pada tahun 2004

<sup>4</sup> The Times of London, keluaran 8 oktober 2003, ms 10



**Carta 4:**  
Jumlah harta keseluruhan bagi institusi-institusi perbankan Islam (tidak termasuk TAIB)

Sumber: Bahagian Institusi-institusi Kewangan, Kementerian Kewangan

### Kepelbagaian produk dan perkhidmatan

Institusi-institusi perbankan dan kewangan Islam juga telah menunjukkan inisiatif dalam mengeluarkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kewangan yang baru bagi menyahut kehendak semasa dari orang ramai. Pada hari ini institusi-institusi perbankan Islam menawarkan pelbagai perkhidmatan perbankan bukan sahaja kepada pelanggan-pelanggan biasa tapi juga kepada pelanggan-pelanggan korporat. IBB, misalnya, adalah bank yang pertama mengeluarkan kad kredit tempatan, Kad An Naim, kepada kebanyakan pelanggan-pelanggannya dan bagi pemegang-pemegang kad ATMnya pula, mereka boleh membuat pembelian secara elektronik yang menggunakan teknologi EPOS selain daripada menawarkan perkhidmatan pengeluaran wang tunai melalui mesin-mesin ATMnya. Baru-baru ini, IDBB pula melancarkan kad kredit MasterCard yang berlandaskan kepada prinsip-prinsip Syariah.

### Kesimpulan

Industri perbankan dan kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam telah pun merekodkan satu kejayaan yang boleh dibanggakan dalam tempoh hanya satu dekad ianya beroperasi. Dalam tempoh yang agak singkat ini, institusi-institusi kewangan Islam menikmati peningkatan dalam penyertaan bukan sahaja dari orang-orang Islam malah semakin ramai orang-orang bukan Islam datang untuk mendapatkan perkhidmatan kewangan dari institusi-institusi ini. "Inilah keistimewaan yang ada pada bank Islam" - kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Mulia Dato Paduka Haji Yakub bin Abu Bakar, Timbalan Menteri Kewangan mengenai keunikan dan keistimewaan bank Islam yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat termasuklah orang-orang bukan Islam (The

Times of London, 8hb Oktober 2003). Peningkatan dalam penyertaan orang-orang bukan Islam dalam menggunakan produk dan perkhidmatan perbankan dan kewangan Islam melambangkan satu lagi kejayaan dan juga membuktikan bahawa institusi-institusi ini dapat bersaing.

Dengan penubuhan pusat kewangan antarabangsa yang lebih menekankan kepada perbankan dan kewangan Islam, negara ini, Insyallah akan melihat penubuhan-penubuhan institusi-institusi kewangan Islam yang lebih banyak di masa akan datang.

Disamping itu, rancangan bagi menubuhkan sebuah Pusat Perbankan dan Kewangan Islam (resource centre) oleh Universiti Brunei Darussalam juga akan menguatkan lagi asas dan akan membantu mempercepatkan kemajuan dalam industri perbankan dan kewangan Islam di negara ini.

Inisiatif-inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan melalui agensi-agensi yang tertentu dan juga inisiatif-inisiatif dari institusi-institusi kewangan Islam di negara ini akan menjana kemajuan yang lebih pesat ke atas industri kewangan Islam di negara ini. Aspirasi seterusnya ialah agar Negara Brunei Darussalam akan dapat menyalurkan bantuan kepada Ummah dalam menubuhkan sistem perbankan dan kewangan Islam di seluruh dunia.

Sekian.

## Rujukan-rujukan

1. Salma L., Islamic Banking In Brunei Darussalam And The Role Of CIBFM, kertas kerja disampaikan semasa seminar di Empire Hotel pada tahun 2004.
2. The Times of London, keluaran 8hb Oktober 2003
3. Koleksi titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam